

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Budak perempuan itu menangis _____ kerana disengat lebah semasa bermain di belakang rumah datuknya.
- A kesedihan
 - B kesakitan
 - C kekesalan
 - D kekecewaan

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 2 Puan Ainun _____ tepung untuk membuat kek bersempena dengan ulang tahun kelahiran anak bongsunya.
- A mengayak
 - B menyaring
 - C menggoyang
 - D menggoncang
- 3 Irsyad membatalkan niatnya untuk membeli telefon pintar itu kerana harganya terlalu _____.
- A tebal
 - B berat
 - C kasar
 - D mahal
- 4 Proses _____ undi bagi pilihan raya kecil di kawasan itu berjalan dengan lancarnya.
- A penyebaran
 - B pemarkahan
 - C pemerhatian
 - D pembuangan

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betulnya.

- Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 

- 10 Penduduk Kampung Seri Warisan saling tolong-menolong untuk menjayakan program gotong-royong tersebut.
- A saling tolong
 - B tolong-menolong
 - C saling bertolong-tolongan
 - D saling tolong-menolong

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 11 I Doktor itu mengenakan bayaran yang berpatutan kepada semua pelanggan yang mendapatkan rawatan di kliniknya.
II Pameran komputer itu akan diadakan lagi di kampung kami sekiranya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat.
III Beberapa usul-usul akan dikemukakan dalam mesyuarat itu untuk mengatasi masalah pencemaran sungai.
IV Masyarakat diingati agar berhati-hati apabila membeli ubat-ubatan.
- A I dan II sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 12 I Berpuluh-puluh buah rumah musnah akibat ribut taufan yang berlaku di kawasan itu.
II Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak sekolah agar disiplin murid-murid terkawal.
III “Penceramah jemputan kita belum sampai lagikah?” tanya Cikgu Hafiz kepada Cikgu Zalika.
IV Jalan Semarak akan diperluaskan kerana jumlah kenderaan yang melalui jalan tersebut semakin meningkat.
- A I dan II sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 13 Ayah Taufiq seorang yang sentiasa tenang, penyabar, dan baik tingkah lakunya sehingga menyebabkannya disenangi oleh sesiapa sahaja yang mengenalinya.

Pilih peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan perwatakan ayah Taufiq.

- A Seperti api dalam sekam
- B Seperti air dalam kolam
- C Seperti abu di atas tunggul
- D Seperti rusa masuk kampung